



مجلس دأیرد لیفیس  
**MAJLIS DAERAH LIPIS**  
**KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN**  
**27200 KUALA LIPIS**  
**PAHANG DARUL MAKMUR**

Tel:09-3121253/3121433 Faks:09-3123953 e-mel:mdlipis@pahang.gov.my Facebook:@MDLipis

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berkelayakan . Pemohon berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup untuk mengisi kekosongan **JAWATAN TETAP** di **MAJLIS DAERAH LIPIS**.

### JAWATAN : PEGAWAI TADBIR GRED N41

Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan dan Profesional**

Klasifikasi Perkhidmatan : **Pentadbiran Dan Sokongan (N)**

Jumlah Kekosongan : **01**

Gred Jadual Gaji : **GREDD N41**

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 2,080.00	RM 9,546.00	225.00
<b>ELAUN</b>	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Perumahan	RM 300.00
	Bantuan Sara Hidup	RM 150.00

### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia.
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
**dan**
- (iii) Anak Pahang dan pemegang kad pengenalan kod Negeri Pahang 06,32 atau 33;  
Ibu atau bapa calon merupakan anak Pahang dan pemegang kad pengenalan kod Negeri Pahang 06,32 atau 33; **dan**

Ibu dan bapa atau calon merupakan pemastautin di Negeri Pahang melebihi 10 tahun.(Calon perlulah mengemukakan surat pengesahan pemastautin yang dikeluarkan oleh Penghulu Mukim)

- (iv) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); **atau**
- (v) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai pengalaman dalam pengurusan dan operasi.

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

1. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau lulus Peperiksaan Khas; **dan**
  - (b) had umur pelantikan:
    - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
    - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
    - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab merancang, menggubal, mengurus, menyelaraskan, melaksanakan dan menilai dasar dan peraturan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran organisasi termasuklah pentadbiran am, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan serta penyelidikan dan pembangunan pengurusan.

## CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

- a. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang **MDL/JKP/JAWAT 01/04** yang boleh didapati di **KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN, MAJLIS DAERAH LIPIS**, Pahang Darul Makmur dan boleh muat turun borang ini di Laman Web Majlis Daerah Lipis iaitu **www.mdlipis.gov.my** atau **facebook:@MDLipis**
- b. Semua permohonan hendaklah lengkap dengan maklumat seperti berikut:-
- (i) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport iaitu 2.5 sm x 3.8 sm (*tidak dibenarkan gambar yang diimbias atau difotostat*);
  - (ii) Salinan kad pengenalan (*depan dan belakang*);
  - (iii) Salinan surat beranak;
  - (iv) Salinan kad pengenalan bapa/ibu;
  - (v) Salinan sijil-sijil persekolahan atau salinan keputusan peperiksaan yang telah diperolehi; dan
  - (vi) Sijil-sijil lain yang berkenaan.
  - (vii) Surat Pemastautin (jika berkenaan)
- c. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH**.
- d. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH LIPIS,  
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN,  
27200 KUALA LIPIS,  
PAHANG DARUL MAKMUR.  
(U/P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)

**TARIKH BUKA PERMOHONAN : 31 JULAI 2024 (RABU)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 OGOS 2024 (RABU)**

**NO. FAIL JAWATAN : MDL/JKP/255 JLD2**

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Daerah Lipis selewat-lewatnya pada **14 OGOS 2024 (5.00 PETANG)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

## CATATAN AM

- a. Permohonan akan **DITOLAK** jika borang permohonan:-
- (i) Tidak menggunakan borang **MDL/JKP/JAWAT 01/04**
  - (ii) Tiada salinan Sijil Kelahiran
  - (iii) Tiada salinan Kad Pengenalan pemohon/ibu/bapa
  - (iv) Tiada salinan kelulusan pelajaran/peperiksaan
  - (v) Surat Pemastautin (jika berkenaan)
  - (vi) Borang permohonan pemohon yang tidak ditandatangani
  - (vii) Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak jelas
  - (viii) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
  - (ix) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
  - (x) Salinan sijil tidak diakui sah
  - (xi) Gambar pasport tidak disertakan serta gambar difotostat atau diimbas
  - (xii) Tidak melengkapkan keterangan mengenai 2 orang saksi serta tiada tandatangan
  - (xiii) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan
- b. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap permohonan tersebut tidak berjaya.
- c. Majlis Daerah Lipis tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



( **DATO' MOHD HAFIZI BIN IBRAHIM, DIMP., SMP., AAP., AMP. )**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Lipis

DMHI/cc1/iklanPEGAWAITADBIR\_N41\_2024